

FINAS peruntuk RM1 juta tingkat kemahiran bidang seni

UM 10.2.2014 20

PERBADANAN Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) memperuntukkan kira-kira RM1 juta bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan modal insan penggiat seni perfileman pada tahun ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Finas, Fatimah Ahmad berkata, peruntukan itu bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan golongan berkenaan mengenai industri perfileman.

Katanya, terdapat beberapa kursus dan bengkel kemahiran yang boleh diikuti oleh penggiat seni perfileman seperti pengarah, penulisan skrip, sinematografi dan pengurusan produksi.

"Untuk program 2014, kita telah menyusun dan menyiapkan jadual mulai Januari hingga Disember ini yang melibatkan penglibatan penggiat industri filem," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis menandatangani surat hasrat antara Finas, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Metrowealth International Group (MIG) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) UMS, Prof. Dr. Shahril



PROF. Shahril Yusof (kiri) dan David Teo (kanan) bertukar dokumen sambil disaksikan Fatimah Ahmad selepas menandatangani surat hasrat antara Finas, UMS dan MIG di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Yusof dan Ketua Pegawai Eksekutif MIG, Mejar (K) David Teo.

Surat Hasrat itu bertujuan menjalin

kerjasama antara ketiga-tiga institusi dalam membangunkan industri perfileman negara melalui penganjuran

program pembangunan filem, pertukaran pelajar dan kakitangan.

Fatimah berkata, pendekatan itu adalah platform terbaik memberi pendedahan dan latihan awal kepada pelajar UMS khususnya Sekolah Pengajian Seni, selain membantu membangunkan tenaga mahir dalam industri perfileman tempatan.

Sementara itu, Shahril berkata, kerjasama itu memberi peluang kepada pelajar menimba pengalaman dan melihat realiti bidang itu, memandangkan industri kini lebih berminat mengambil graduan yang mempunyai nilai tambah.

"Pada masa sama, UMS juga dalam usaha meningkatkan aktiviti perfileman di Sabah kerana terdapat pelbagai lokasi di negeri itu yang cantik, menarik, keunikan budaya dan sejarah yang boleh ditonjolkan bukan hanya melalui filem tetapi juga dokumentari," katanya.

UMS bersama FINAS dan MIG telah menandatangani Surat Niat yang bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dan perkongsian kepakaran dalam bidang perfileman dan akademik yang berkaitan dengan bidang tersebut.